

Academy of Language Studies  
UiTM Cawangan Pulau Pinang

# e-Lingua

APRIL 2026

1/2026

*Connecting Cultures  
One Word at a Time*

你好

Apa Khabar?

Bonjour

Hello

مرحبًا

Hallo

こんにちは



# Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) di Kampung Kuala Mengkuang, Pulau Pinang

RAJA ROSILA RAJA BERAHIM, MARNI JAMIL & NUR FATIN SHAHMINA MOHD FAUZEY  
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA, UITM CAWANGAN PULAU PINANG

Banjir merupakan antara bencana alam yang paling kerap melanda Malaysia setiap tahun. Kejadian ini bukan sahaja mengakibatkan kehilangan nyawa, malah turut memusnahkan harta benda serta menjejaskan kesejahteraan komuniti setempat. Sehubungan itu, usaha memperkukuh tahap kesiapsiagaan masyarakat terhadap risiko banjir perlu dipergiatkan melalui pendekatan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam yang menyeluruh.

Bagi menyokong usaha tersebut, Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA), UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengambil inisiatif menganjurkan Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA). Program ini bertujuan memperkenalkan serta memperkukuh pemahaman komuniti terhadap Sistem Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) di samping meningkatkan tahap pengetahuan, kefahaman dan kesedaran masyarakat mengenai risiko bencana banjir serta kepentingan sistem ramalan dan amaran awal sebagai langkah persediaan yang proaktif.

**Program CEPA ini telah dijayakan melalui kolaborasi strategik bersama beberapa agensi dan komuniti setempat, antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang, Komuniti Rukun Tetangga (KRT) Kuala Mengkuang, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kuala Mengkuang serta Masjid Ittifaqiyah Kuala Mengkuang sebagai tuan rumah.**

**Program ini telah diadakan pada 17 Januari 2026 bertempat di Masjid Ittifaqiyah Kuala Mengkuang, Kubang Semang, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Antara objektif utama penganjuran adalah untuk memberikan pendedahan kepada komuniti mengenai Sistem Ramalan dan Amaran Banjir yang dibangunkan oleh pihak JPS, di samping menyampaikan ilmu serta kemahiran asas menyelamatkan diri dan mangsa ketika berlakunya banjir melalui latihan simulasi yang bersifat praktikal dan interaktif.**

**Kemuncak program ialah aktiviti simulasi operasi menyelamatkan yang melibatkan tiga senario dramatik dan realistik, bertujuan memberikan gambaran sebenar situasi kecemasan banjir:**

**Senario 1: Operasi menyelamatkan penduduk kampung yang terperangkap di dalam rumah di hujung Kampung Kuala Mengkuang menggunakan bot penyelamat.**

**Senario 2: Operasi menyelamatkan penduduk menggunakan kaedah 'flying fox' bagi memindahkan mangsa dari kawasan berisiko tinggi ke kawasan selamat.**

**Senario 3: Operasi menyelamatkan mangsa yang dihanyutkan arus sungai deras menggunakan bot dan teknik menyelamatkan di air.**

Simulasi ini melibatkan anggota JBPM, komuniti Kampung Kuala Mengkuang serta para pelajar. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman teknikal, malah membina keyakinan dan kesedaran komuniti terhadap prosedur keselamatan yang betul ketika berdepan bencana.



Para AJK program bersedia sedia untuk program dijalankan



Program berjaya dilaksanakan dengan jayanya

Selain aktiviti simulasi sebagai pengisian utama, program turut diserikan dengan aktiviti sukan rakyat bagi mengukuhkan hubungan silaturahim antara agensi, pelajar dan komuniti. Antaranya ialah pertandingan melastik botol yang melibatkan golongan dewasa serta aktiviti “Mencari Duspawangi” yang disertai oleh kanak-kanak.




Pelajar SULAM yang terlibat dalam pelaksanaan program

Suasana program amat meriah dengan sorakan dan gelak tawa para peserta. Aktiviti melastik botol mengimbau nostalgia permainan tradisional yang pernah popular suatu ketika dahulu. Manakala bagi aktiviti “Mencari Duspawangi” yang diinspirasikan daripada filem lakonan Allahyarham P. Ramlee, kanak-kanak dikehendaki mengasingkan campuran kacang dalam tempoh masa tertentu. Kumpulan yang berjaya mengasingkan kacang terbanyak, berpakaian tradisional menarik serta mengekalkan adab duduk bersimpuh dengan baik dinobatkan sebagai pemenang. Aktiviti ini bukan sahaja menceriakan suasana, malah menyemai nilai budaya dan kerjasama dalam kalangan generasi muda.

Turut diadakan ialah tapak pameran dan reruai yang dikendalikan oleh para pelajar di bawah Program SULAM (Service Learning Malaysia - University for Society). Melalui penglibatan ini, para pelajar berpeluang mempraktikkan ilmu akademik dalam konteks komuniti sebenar, sekali gus memupuk semangat kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial.

Secara keseluruhannya, program GEPA ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam meningkatkan kesedaran, pengetahuan serta tahap kesiapsiagaan komuniti Kampung Kuala Mengkuang terhadap risiko banjir. Diharapkan inisiatif sebegini dapat diteruskan secara berkala agar komuniti lebih bersedia, berdaya tahan dan responsif dalam menghadapi sebarang kemungkinan bencana pada masa hadapan. Pendekatan kolaboratif antara institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan komuniti setempat ini wajar dijadikan model bagi memperkukuh pengurusan risiko bencana di peringkat akar umbi.



Persediaan program untuk menerbangkan dron bagi merakam aktiviti simulasi

# The Team



**Prof. Ir. Dr. Hj. Ahmad  
Rashidy Razali**  
Rector



**Dr. Norhaslinda Hassan**  
Head of Center / Adviser



**Wan Noorli Razali**  
Chief Editor



**Aini Syahira Binti  
Jamaluddin**



**Muhammad Aiman  
Abdul Halim**



**Ummu Habibah Binti  
Mohd Sakri @ Shukri**



**Nur Fatin Nabila  
Abdul Rahman**



**Nur Fatin Shahmina  
Mohd Fauzey**



**Fasyin Diyana  
Mohamad Fadzil**



**Nur Aalia Arifin**



**Nurul Farzanah  
Mohd Rosli**



**Noraziah Mohd Amin**



**Seng Hui Zanne**



**Lim Teck Heng**